



Polisi Keselamatan Makanan

Untuk mencapai matlamat kami dalam menyediakan produk yang selamat dan bertanggungjawab, selain mematuhi Polisi Kualiti Global, Linde Malaysia komited kepada perkara-perkara berikut:

- a) Membangunkan dan berusaha untuk terus menambah baik proses kami bagi menghasilkan produk yang selamat untuk aplikasi makanan melalui sistem pengurusan keselamatan makanan yang cekap, berkesan dan sesuai;
- b) Melaksanakan semakan berkala terhadap penilaian bahaya ke atas proses pengilangan yang digunakan dalam produk aplikasi makanan yang kami bekalkan;
- c) Mematuhi keperluan peraturan global dan tempatan yang berkenaan serta keperluan pelanggan yang telah dipersetujui;
- d) Menetapkan objektif keselamatan makanan dan sentiasa memantau pematuhan;
- e) Menyediakan maklumat yang mudah diakses dan sesuai kepada pihak berkepentingan mengenai kualiti dan keselamatan makanan produk kami;
- f) Memastikan kakitangan dilatih dengan sewajarnya untuk memenuhi keperluan keselamatan makanan;
- g) Mengkomunikasikan, melaksanakan, dan mengekalkan polisi ini di semua peringkat organisasi;
- h) Memupuk budaya keselamatan dan kualiti makanan dalam organisasi;
- i) Mengawal kehilangan dan pembaziran makanan dalam proses pengilangan dan penghantaran.

Piawaian ini terpakai bagi pembekalan sebarang produk atau perkhidmatan yang berkaitan dengan makanan oleh Linde Malaysia dan anak-anak syarikatnya.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Hoo Peih Yoke", is positioned above the printed name.

Hoo Peih Yoke

Pengarah Urusan – Linde Malaysia

Tarikh kuat kuasa: 1 Sep 2025

Ver: 2.00